



Anwar menyampaikan syarahan umum di Moscow State Institute of International Relations (MGIMO), Russia, semalam. (Foto ihsan Jabatan Perdana Menteri)

PM gesa tingkat dialog konstruktif antara peradaban

BERITA HARIAN 16 MAY 2025 m/s: 2

Nilai kebersamaan perlu diperkasa demi sokong keamanan serta kestabilan global

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa tingkatkan dialog konstruktif dan bermaruah di antara peradaban, di samping menekankan bahawa pembabitan sedemikian mesti diasaskan atas pengiktirafan bersama terhadap maruah, kekuatan dan kepelbagaian budaya.

Perdana Menteri berkata, pemeliharaan keadilan, belas kasihan dan kewujudan bersama adalah penting dalam mengemudi kerumitan era pasca-normal dan kekal penting untuk menegakkan nilai bersama yang menyokong keamanan dan kestabilan global.

"Ia perlu merangkumi dialog peradaban menyeluruh, bukan satu budaya yang mengetepikan budaya lain, tapi pengiktirafan budaya kekuatan dan maruah.

"Dalam tempoh pasca normal ini, nilai seperti keadilan, belas ihsan dan kewujudan bersama tidak boleh diabaikan.

"Kita tidak boleh kehilangan jiwa maruah, nilai kemanusiaan dan rasa hormat antara satu sa-

ma lain tanpa mengira kepercayaan yang berbeza, budaya yang berbeza," katanya.

Anwar berkata demikian semasa menyampaikan syarahan umum bertajuk *ASEAN in a Multipolar World: Perspectives from Malaysia* di Moscow State Institute of International Relations (MGIMO), Russia, semalam.

Sesi syarahan itu disiarkan secara langsung menerusi akaun Facebook beliau.

PM terima Ijazah Kedoktoran Kehormat MGIMO

Pada majlis itu, Anwar turut dianugerahkan Ijazah Kedoktoran Kehormat MGIMO sebagai pengiktirafan atas sumbangan beliau dalam mempromosikan keamanan global dan mengukuhkan kerjasama antarabangsa.

Merujuk pertemuannya dengan Presiden Rusia, Vladimir Putin, Anwar berkata dialog itu menunjukkan semangat saling menghormati.

"Kami di sini atas jemputannya, daripada seorang pemimpin antarabangsa yang sangat penting kepada sebuah negara yang agak kecil di ASEAN, tapi kami diberikan perasaan dihormati, kesaksamaan dan rasa selesa, inilah sesuatu yang perlu dipupuk.

"Kita tidak percaya kepada unilateralisme. Kita perlu tunjukkan bahawa setiap komuniti, setiap negara, besar atau kecil, kaya atau miskin, mesti diberi-

kan penghormatan dan pengiktirafan," katanya.

Beliau menambah bahawa rangka kerja MADANI Malaysia berkongsi asas yang sama dengan 'jiwa Russia' yang sering disebut oleh intelektual Russia, yang disifatkannya sebagai konsisten dalam penekanannya terhadap keadilan, moral dan keseimbangan masyarakat.

Mengenai kerjasama serantau, Anwar mengetengahkan model yang didorong konsensus ASEAN dan memetik bagaimana blok itu secara kolektif menyokong jangkauannya kepada kedua-dua kepimpinan tentera Myanmar dan tokoh pembangkang dalam usaha meneruskan gencatan senjata dan akses kemanusiaan.

"Sebarang isu, sama ada Myanmar atau isu lebih besar, mesti ditangani dengan dialog, bukan penguasaan.

"ASEAN membuktikan bahawa keamanan membawa kemakmuran," katanya.

Perdana Menteri turut menekankan kepentingan diplomasi budaya dan pertukaran akademik dengan merujuk kepada kehadiran hampir 700 pelajar Malaysia di Russia dan kira-kira 400 pelajar Russia di Malaysia.

Beliau juga berterima kasih kepada institusi Russia kerana memasukkan bahasa Melayu ke dalam kurikulum mereka, dan menyatakan bahawa Universiti Malaya (UM) turut menawarkan pengajian bahasa Russia.

BERNAMA